

# **KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA 1965**

## **1.0 PENGENALAN**

Sejak akhir-akhir ini perhatian serius kepada meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang di Negara ini telah menjadi isu yang menjadi tumpuan semua agensi Penguatkuasa. Ini adalah kerana pelanggaran undang-undang yang tidak dikawal boleh mengakibatkan kehilangan hasil dan menjejaskan kredibiliti kerajaan dalam menguatkuasakan undang-undang yang telah digubal. Lantaran itu semua pegawai yang terlibat dalam kerja-kerja penguatkuasaan hendaklah berperanan lebih proaktif dan bertanggungjawab untuk mengurung atau membendung pelanggaran undang-undang terutamanya pelanggaran kepada Kanun Tanah Negara 1965.

Nota ini menjelaskan secara ringkas peranan dan tanggungjawab sebagai penguatkuasa dan juga kesalahan-kesalahan yang termaktub dalam Kanun Tanah Negara 1965.

## **2.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGUATKUASA**

### **2.1 RONDAAN**

Pegawai Penguatkuasa perlulah menyediakan jadual rondaan secara berkala ditempat-tempat yang ada kecenderungan yang tinggi berlakunya kes-kes pelanggaran undang-undang seperti pencerobohan tanah kerajaan, pengambilan dan pemindahan bahan batuan tanpa permit dan sebagainya. Kecenderungan yang tinggi bermaksud tanah kerajaan yang terletak ditempat-tempat yang susah di akses oleh para Pegawai Penguatkuasa atau tempat yang berdekatan dengan perkampungan.

### **2.2 PENYEDIAAN REKOD-REKOD YANG TERKINI**

Rekod-rekod maklumat tanah kerajaan yang telah diteroka hendaklah disimpan dan dipantau secara berterusan dari masa ke semasa. Selain daripada itu rekod-rekod tindakan yang telah diambil hendaklah juga disimpan secara teratur kerana tindakan undang-undang yang diambil terutamanya yang terlibat dengan kes mahkamah akan memakan masa yang agak lama.

### **2.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan kerja-kerja oleh pegawai bawahan hendaklah dilaksanakan secara teratur dimana setiap lawatan atau rondaan yang dibuat hendaklah dilaporkan secara bertulis.

### **2.4 PELAPORAN**

Laporan-laporan yang dikemukakan oleh pegawai bawahan hendaklah disusun mengikut urutan dan disimpan secara teratur supaya dipenghujung tahun dapat dibuat laporan bagi kes-kes penguatkuasaan supaya ianya dapat diambil tindakan susulan kepada mana-mana kes yang tidak dapat diselesaikan dalam tahun semasa. Laporan yang dikemukakan oleh pegawai bawahan mestilah mengikut format yang ditetapkan agar ianya menggambarkan peristiwa sebenar yang berlaku di lapangan. Laporan ini mestilah mengandungi butir-butir seperti lokasi, peta lakar, luas kawasan, status kawasan, sejarah kawasan, siapa yang terlibat, berapa ramai, sekiranya meneroka tanah kerajaan maka kenal pasti jenis tanaman dan berapa lama telah ditanam, ambil gambar kawasan tersebut, tarikh rondaan dibuat, dapatkan butir-butir mereka yang terlibat dalam penerokaan tanah tersebut, menerangkan kesalahan-kesalahan di bawah KTN 1965 dan seterusnya mengemukakan cadangan penyelesaian dan sebagainya.

### **2.5 MENUBUHKAN JAWATANKUASA PENGUATKUASAAN**

Jawatankuasa Penguatkuasaan di peringkat daerah perlu ditubuhkan yang mana ahli-ahlinya dikenal pasti oleh Pentadbir Tanah. Jawatankuasa ini berperanan menentukan hala tuju dan dasar-dasar pelaksanaan pemantauan dan juga tindakan yang perlu diambil secara konkrit dan tegas. Selain daripada itu Jawatankuasa ini mestilah bermesyuarat sekurang-kurangnya setiap tiga (3) bulan sekali untuk membincang dan menganalisis laporan pelanggaran undang-undang, membincangkan isu-isu semasa atau masalah-masalah penguatkuasaan undang-undang, merangka pelan tindakan/strategi bagi mengatasi masalah-masalah penguatkuasaan undang-undang yang dihadapi, menyelaraskan dan memberi arahan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk melaksanakan pelan tindakan yang diputuskan, mengkaji prestasi kemajuan penguatkuasaan undang-undang dan menyediakan laporan kepada mesyuarat di peringkat negeri.

## 2.6 TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Penguatkuasa mestilah bertindak berdasarkan kepada arahan dari Jawatankuasa Penguatkuasaan. Tindakan penguatkuasaan ini hendaklah berhikmah, tegas dan adil berteraskan peruntukan yang sedia ada. Sebagai contoh Tahap 1: Amaran lisan; Tahap 2: Amaran bertulis dengan notis dan Tahap 3: Tindakan Penguatkuasaan sama ada kompaun atau bawa kes ke Mahkamah.

## 3.0 RINGKASAN KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA 1965

Menerusi nota ringkas ini juga diperturunkan sebanyak tiga puluh (30) kesalahan yang dapat dicungkil dari Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 bagi memudahkan Pegawai Penguatkuasa mengenal pasti pelanggaran-pelanggaran yang mungkin dilakukan oleh orang awam. Disamping itu juga dinyatakan penalty yang sepatutnya dikenakan sekiranya sabit kesalahan. Ringkasan kesalahan tersebut adalah sebagaimana berikut:-

BIL.	KESALAHAN	PENALTI/DENDA
1.	<b>Sek. 15 (1) (e) (i)</b> Gagal menyerah/menyampai apa-apa dokumen yang diminta mengikut Sek. 424 atau Sek. 175B (1) (b)	Denda tidak melebihi RM500.00 atau penjara tidak melebihi 1 bulan atau kedua-dua sekali. <b>Sek. 424 (1)</b>
2.	<b>Sek. 19 (a)</b> Membocorkan maklumat.	Tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan. <b>Sek. 429 (a)</b>
3.	<b>Sek. 20</b> Membeli tanah lelong.	Tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan. <b>Sek. 429 (b)</b>

BIL.	KESALAHAN	PENALTI/DENDA
4.	<p><b>Sek. 30</b></p> <p>Memberi keterangan atau pernyataan palsu</p>	<p>Denda tidak melebihi RM5,000.00. Jika gagal untuk membayar denda, boleh dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 422</b></p>
5.	<p><b>Sek. 127</b></p> <p>Melanggar syarat tetap dan jenis-jenis penggunaan tanah.</p>	<p>Denda tidak melebihi RM500.00 dan denda tambahan tidak kurang dari RM100.00 bagi tiap-tiap hari pelanggaran berterusan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 127 (1A) (b)</b></p> <p>Tanah dirampas.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 129</b></p>
6.	<p><b>Sek. 375 (2)</b></p> <p>Mengalih DHD, Suratcara Buku Rekod dan dokumen lain yang mana keselamatannya di bawah tanggungjawab Pentadbir Tanah/Pendaftar.</p>	<p>Denda tidak lebih RM1,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 429 (c)</b></p>
7.	<p><b>Sek. 379 (1)</b></p> <p>Tukar alamat tanpa memberitahu Pendaftar.</p>	<p>Denda tidak lebih dari RM1,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 429 (d)</b></p>
8.	<p><b>Sek. 398A</b></p> <p>Kegagalan oleh Juruukur berlesen untuk menyempurnakan kerja-kerja ukur setelah Borang 29D.</p>	<p>Denda tidak lebih RM5,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 422</b></p>

BIL.	KESALAHAN	PENALTI/DENDA
9.	<p>Sek. 400 (1)</p> <p>Tidak mengendahkan Notis Supaya Hadir Masa Ukur (Borang 29A)</p>	<p>Denda tidak melebihi RM100.00.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 400 (3)</b></p>
10.	<p>Sek. 400 (2)</p> <p>Tidak mengendahkan Saman Supaya Memberi Maklumat atau Mengemukakan Surat-suratan (Borang 29B)</p>	<p>Denda tidak melebihi RM100.00.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 400 (3)</b></p>
11.	<p><b>Sek. 400A</b></p> <p>Kerja-kerja ukur tanpa lesen yang sah</p>	<p>Denda tidak lebih RM10,000.00 atau penjara tidak lebih dari satu (1) tahun atau kedua-dua sekali.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 400A</b></p>
12.	<p><b>Sek. 403</b></p> <p>Mengganggu, merosakkan, memindah tanda sempadan dan lain-lain.</p>	<p>Denda tidak melebihi RM500.00 atau membayar kos pemulihan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 403 (a) dan (b)</b></p>
13.	<p>Sek. 422 (a)</p> <p>Keterangan palsu:-</p> <p style="padding-left: 40px;">(a) Sebarang urusan berkaitan tanah/KTN</p> <p style="padding-left: 40px;">(b) Semasa siasatan mana-mana Kesalahan KTN</p> <p style="padding-left: 40px;">(c) Pemalsuan/pindaan maklumat</p>	<p>Denda tidak melebihi RM5,000.00. Jika gagal untuk membayar denda, boleh dipenjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 422</b></p>
14.	<p><b>Sek. 422 (b)</b></p>	<p>Denda tidak melebihi RM5,000.00. Jika gagal untuk membayar denda, boleh dipenjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-</p>

BIL.	KESALAHAN	PENALTI/DENDA
		duanya sekali. <b>Sek. 422</b>
15.	<b>Sek. 422 (i), (ii), (iii)</b>	Denda tidak melebihi RM5,000.00. Jika gagal untuk membayar denda, boleh dipenjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. <b>Sek. 422</b>
16.	Sek. 422 (d)	Denda tidak melebihi RM5,000.00. Jika gagal untuk membayar denda, boleh dipenjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. <b>Sek. 422</b>
17.	Sek. 423 Mengubah, menambah, memadam, merosak atau memusnahkan mana-mana dokumen hakmilik/suratcara dan lain-lain.	Denda tidak melebihi RM3,000.00 atau penjara tidak lebih dari 3 tahun atau kedua-dua. <b>Sek. 423</b>
18.	<b>Sek. 424 (1)</b> Gagal mengemukakan dokumen:-  (i) Borang 2B di bawah kuasa Pengarah Negeri, Pendaftar, Pentadbir Tanah Sek. 15(1)(e).  (ii) Warta bagi penggantian hak milik Sek. 175(1)(b).  (iii) Bila IDT diminta oleh Pendaftar bagi urusan pengeluaran salinan IDT kepada tuan punya bersama atau permohonannya Sek. 343 (4)	Denda tidak lebih dari RM5,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali. <b>Sek. 424 (2)</b>

BIL.	KESALAHAN	PENALTI/DENDA
19.	<p><b>Sek. 425 (1) (a), (b), (c)</b></p> <p>Penerokaan/pendudukan tanpa sah</p> <p>(i) Menduduki/membina bangunan</p> <p>(ii) Menerang/menanam</p> <p>(iii) Memotong/mengalih kayu-kayan</p>	<p>Denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-dua sekali.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 425 (1)</b></p>
20.	<p><b>Sek. 425 (1A)</b></p> <p>Bersubahat melakukan kesalahan di bawah Sek. 425 (1) (a), (b), (c)</p>	<p>Denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-dua sekali.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 425 (1A)</b></p>
21.	<p><b>Sek. 425A</b></p> <p>Menggunakan ruang udara tanpa permit</p>	<p>Denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-dua sekali.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 425A</b></p>
22.	<p><b>Sek. 426 (1)</b></p> <p>Mengeluar/mengalih atau mengangkut bahan-bahan batuan tanpa permit.</p>	<p>Denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara lebih dari 1 tahun atau kedua-dua sekali.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 426 (1)</b></p> <p>Dan sebagai tambahan boleh dikenakan bayaran sejumlah wang bersamaan nilai bahan-bahan yang dikeluarkan atau dirosakkan kepada Pihak Berkuasa Negeri.</p>

BIL.	KESALAHAN	PENALTI/DENDA
		<b>Sek. 426 (2)</b>
23.	<b>Sek. 426 (1A)</b> Memiliki, menyimpan bahan-bahan batuan di bawah Sek. 426 (1) tanpa kebenaran.	Denda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-dua sekali;  <b>Sek. 426 (1B)</b>
24.	<b>Sek. 426 (1B)</b> Bersubahat melakukan kesalahan di bawah Sek. 426 (1) dan Sek. 426 (1A)	Denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak lebih dari 1 tahun atau kedua-dua sekali;  <b>Sek. 426 (1B)</b>
25.	<b>Sek. 427 (1)</b> Membiar binatang ternakan meragut rumput di atas tanah kerajaan/rizab	Denda tidak lebih dari RM100.00  <b>Sek. 427 (2)</b>
26.	<b>Sek. 428 (2)</b> Menghalang hak lalulalang Pentadbir Tanah/Awam  (i) Jalan awam (ii) Aliran air (iii) Tempat Awam	Denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-dua sekali.  <b>Sek. 428 (2)</b>
27.	<b>Sek. 428A</b> Menerima maklumat dari cara yang salah	Denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-dua sekali.  <b>Sek. 428A</b>
28.	<b>Sek. 428AA</b> Kesalahan yang dilakukan oleh Pertubuhan Perbadanan – Pengarah dan pegawainya adalah dianggap melakukannya bersama.	



BIL.	KESALAHAN	PENALTI/DENDA
29.	<p><b>Sek. 429</b></p> <p>Hukuman pelbagai:-</p> <p>(a) <b>Sek. 19</b> (yang melarang pegawai-pegawai yang dilantik di bawah KTN dari membuka perkara-perkara yang sampai ke pengetahuannya dalam menjalankan kewajipan-kewajipan mereka, 20, 375 dan 379; atau</p> <p>(b) <b>Sek. 20</b> (yang berkaitan dengan pembelian tanah oleh pegawai-pegawai yang dilantik); atau</p> <p>(c) <b>Sek. Kecil (2) Sek. 375</b> (yang melarang pengalihan daftar-daftar hakmilik dll dari Pejabat Pendaftaran dan Pejabat Tanah); atau</p> <p>(d) <b>Sek. Kecil (1) Sek. 379</b> (yang berkaitan dengan memberitahu Pendaftar mengenai penukaran alamatnya)</p>	<p>Denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Sek. 429</b></p>
30.	<p><b>Sek. 429B</b></p> <p>Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun – Kaedah Tanah Negeri</p>	<p>Kesalahan dengan tawaran kompaun tidak boleh melebihi 50% daripada denda maksimum bagi sesuatu kesalahan</p>

#### **4.0 PENUTUP**

Pegawai Penguatkuasa perlulah berperanan dan bertanggungjawab secara ikhlas, berani dan tidak teragak-agak untuk bertindak mengikut lunas undang-undang, walau bagaimana sifat berhikmah juga tidak boleh diabaikan ibarat "menarik rambut dalam tepung, rambut tidak putus dan tepung tidak bersepai". Imej Jabatan dan kerajaan perlulah dijaga, prinsip hendaklah dipertahankan dan amanah pula wajib ditunaikan.